

PM nyata pendirian negara di pentas UNGA

Putrajaya: Malaysia akan menggunakan pentas Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di New York, Amerika Syarikat, minggu depan untuk menyatakan kebenaran dan mengkritik kuasa-kuasa besar.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau akan bertemu dengan ramai pemimpin dunia pada pentas berkenaan dan menyatakan pendirian negara.

“Pendirian kita adalah mudah, kita akan menyatakan perkara yang benar, di mana kita perlu kritik, kita akan kritik.

“Kita juga akan memberi pujian terhadap perkara tertentu yang sudah dilakukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), kandungan ucapan saya nanti akan saya dedahkan kemudian,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) di sini, semalam.

Dr Mahathir diminta mengulas perkara yang akan dikongsikan beliau dalam ucapan di pentas UNGA minggu depan.

Ditanya sama ada beliau akan mengadakan pertemuan dengan Presiden AS, Donald Trump, semasa persidangan berkenaan, Perdana Menteri berkata beliau tidak bertemu pemimpin itu.

“Saya tidak bertemu Trump tapi yang pasti saya akan sampaikan ucapan di sana,” katanya.